Experts

Bahaya pukul rata dalam era media sosial

Mon, 05/25/2026 - 16:39

Dalam era media sosial, manusia semakin terdedah kepada budaya membuat kesimpulan pantas. Satu video pendek, satu ciapan tular, atau satu tangkap layar sering dianggap cukup untuk menilai keseluruhan kelompok masyarakat. Akibatnya, kebiasaan ‘pukul rata’ atau generalisasi semakin menjadi kebiasaan dalam ruang digital. Apa yang dahulu mungkin terhad kepada perbualan kecil kini boleh tersebar kepada jutaan pengguna hanya dalam beberapa minit. Fenomena ini bukan sekadar masalah komunikasi, tetapi ancaman terhadap keharmonian sosial dan mutu pemikiran masyarakat.

Jalan Pintas Mental dalam Dunia Pantas

Secara psikologi, manusia memang cenderung membuat penilaian segera untuk memudahkan proses berfikir. Ahli psikologi kognitif, Daniel Kahneman menjelaskan bahawa manusia sering menggunakan pemikiran pantas untuk membuat keputusan segera. Dalam keadaan tertentu, mekanisme ini membantu manusia bertindak dengan cepat. Namun, apabila digunakan tanpa penilaian kritikal, ia melahirkan stereotaip dan andaian simplistik.

Dalam media sosial, kecenderungan ini menjadi lebih kuat kerana pengguna dibanjiri maklumat dalam tempoh yang singkat. Kandungan yang bersifat emosional dan sensasi lebih mudah menarik perhatian berbanding penjelasan yang panjang dan bernuansa. Akibatnya, ramai pengguna lebih gemar membuat kesimpulan segera daripada memahami konteks sebenar sesuatu isu.

Apabila Satu Kes Dijadikan Gambaran Keseluruhan

‘Pukul rata’ berlaku apabila tindakan segelintir individu dianggap mewakili keseluruhan kelompok. Satu video tentang pekerja yang tidak beretika boleh menyebabkan seluruh profesion dihina. Kes jenayah melibatkan individu tertentu pula kadangkala mencetuskan kecaman terhadap kaum, agama, atau warga asing secara umum.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, keadaan ini amat berbahaya. Label seperti ‘orang muda sekarang malas’, ‘semua ahli politik sama sahaja’, atau ‘kaum tertentu menguasai ekonomi’ mungkin kelihatan biasa dalam ruang komen media sosial, tetapi pengulangan stereotaip sedemikian perlahan-lahan membentuk prasangka kolektif. Akhirnya, masyarakat mula melihat manusia melalui label kelompok, bukan sebagai individu yang mempunyai latar belakang dan pengalaman berbeza.

Algoritma dan Fenomena *Echo Chamber*

Salah satu cabaran terbesar media sosial ialah kewujudan fenomena *echo chamber.* Algoritma platform digital cenderung memaparkan kandungan yang selari dengan minat dan kepercayaan pengguna. Akibatnya, pengguna sering terdedah kepada pandangan yang sama berulang kali sehingga percaya bahawa pandangan tersebut mewakili kebenaran mutlak.

Dalam keadaan ini, stereotaip menjadi semakin sukar dicabar. Pengguna hanya melihat kandungan

yang mengukuhkan prasangka sendiri, manakala pandangan berbeza dianggap ancaman. Budaya ini akhirnya melahirkan masyarakat yang semakin terpolarisasi dan sukar berdialog secara rasional.

Lebih membimbangkan, media sosial juga menggalakkan budaya ‘menghukum secara beramai-ramai’. Sebelum fakta lengkap diketahui, seseorang individu atau kelompok boleh menjadi sasaran kecaman awam hanya berdasarkan potongan video atau maklumat separuh benar. Fenomena ini menunjukkan bagaimana media sosial bukan sahaja mempercepat penyebaran maklumat, tetapi juga mempercepat penyebaran stereotaip.

Kesan terhadap Pendidikan dan Pekerjaan

‘Pukul rata’ dalam media sosial turut mempengaruhi dunia pendidikan dan pekerjaan. Graduan muda misalnya sering dilabel tidak tahan tekanan atau terlalu bergantung pada teknologi. Pada masa yang sama, pekerja berusia pula dianggap sukar menerima perubahan.

Stereotaip sedemikian boleh menjejaskan peluang individu yang sebenarnya berbakat dan berpotensi. Dalam psikologi sosial, keadaan ini dikenali sebagai self-fulfilling prophecy, iaitu apabila jangkaan negatif akhirnya mempengaruhi tingkah laku seseorang. Individu yang sentiasa dipandang rendah mungkin kehilangan keyakinan untuk membuktikan kemampuan sebenar mereka.

Selain itu, stereotaip juga boleh mempengaruhi keputusan organisasi dan dasar awam. Apabila sesuatu kelompok dinilai berdasarkan persepsi umum, peluang pendidikan, pekerjaan, dan pembangunan mungkin tidak diberikan secara adil.

Literasi Media sebagai Benteng

Menghadapi amalan pukul rata dalam era media sosial memerlukan lebih daripada sekadar seruan moral. Masyarakat perlu dibekalkan dengan literasi media dan pemikiran kritikal supaya mampu menilai maklumat secara lebih bertanggungjawab.

Pengguna media sosial perlu belajar memeriksa konteks sesuatu kandungan sebelum berkongsi atau membuat kesimpulan. Tidak semua video tular menggambarkan keadaan sebenar. Tidak semua komen popular mencerminkan fakta. Dalam dunia digital hari ini, kemampuan membezakan antara fakta, persepsi, dan manipulasi menjadi kemahiran asas yang sangat penting.

Pada masa yang sama, interaksi sosial secara langsung antara kelompok berbeza perlu diperkukuhkan. Kajian menunjukkan bahawa prasangka dapat dikurangkan apabila manusia benar-benar mengenali antara satu sama lain melalui pengalaman dan kerjasama sebenar. Hubungan yang dibina melalui interaksi nyata jauh lebih berkesan memecahkan stereotaip berbanding perdebatan di ruang komen media sosial.

Kesimpulannya, media sosial telah mengubah cara manusia berkomunikasi tetapi pada masa yang sama turut mempercepat budaya membuat kesimpulan secara tergesa-gesa. Dalam dunia digital yang dipenuhi maklumat pantas, budaya ‘pukul rata’ menjadi semakin mudah dan berbahaya. Masyarakat akhirnya lebih gemar menghukum daripada memahami, dan lebih percaya pada stereotaip daripada realiti yang sebenar.

Dalam masyarakat yang semakin kompleks dan pelbagai, kemampuan melihat manusia sebagai individu, bukan sekadar wakil sesuatu kelompok, menjadi semakin penting. Masyarakat yang matang bukanlah masyarakat yang paling cepat memberi reaksi, tetapi masyarakat yang sanggup

menangguhkan kesimpulan sehingga memahami konteks sebenar sesuatu isu.

Penulis ialah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).



Oleh: Ahmad Ibrahim
E-mel: ahmadbi@umpsa.edu.my

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 66 views

View PDF